

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]**

**SOALAN**

**TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senaraikan secara terperinci jumlah duit dan nilai harta-harta yang berjaya disita oleh SPRM untuk tahun 2019, 2020 dan 2021 serta apakah sebenarnya berlaku kepada duit dan harta-harta tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sitaan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tahun 2019 sehingga September 2021 adalah sebanyak RM1,208,378,917.91. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH SITAAN (RM)</b>
2019	60,830,373.42
2020	999,379,786.07
2021 (September)	148,168,758.42
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,208,378,917.91</b>

## SOALAN NO : 276

2. Wang tunai dan harta-harta yang disita oleh Pegawai Penyiasat akan diserahkan dan disimpan dalam peti besi yang berada di bawah kawalan dan seliaan Pengarah Bahagian Siasatan SPRM / Pengarah SPRM Negeri yang berkenaan. Kes akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk pandangan dan nasihat samada harta tersebut dilucuthakan atau dipulangkan. Pelucuthakan harta-harta yang disita akan dilakukan semada dengan pendakwaan atau tanpa pendakwaan.

- i) Pelucuthakan harta apabila pendakwaan dibuat bagi sesuatu kesalahan (Seksyen 40 Akta 694 dan Seksyen 55 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA))
- ii) Pelucuthakan harta jika tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan (Seksyen 41 Akta 694 dan Seksyen 56 AMLATFPUAA 2001)

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harta-harta yang didapati tidak terlibat dengan apa-apa kesalahan akan dipulangkan semula kepada pemilik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]**

**SOALAN**

**TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** senaraikan secara terperinci jumlah kos perbelanjaan Kerajaan dalam pembelian vaksin COVID-19 mengikut jenama serta implikasi kewangannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, Kerajaan telah menempah sebanyak **87.9 juta dos vaksin** dengan anggaran kos sebanyak **RM4.64 billion** meliputi kos vaksin dan logistik vaksin. Perincian perolehan vaksin COVID-19 adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PENGELUAR</b>	<b>BIL. DOS</b>
1.	<b>COVAX Facility</b> AstraZeneca	<b>6.4 juta</b> (2 dos/seorang)
2.	<b>Pfizer &amp; BioNTech (BNT162b2)</b>	<b>44.8 juta</b> (2 dos/seorang)
3.	<b>AstraZeneca / University of Oxford (AZD1222)</b>	<b>6.4 juta</b> (2 dos/seorang)
4.	<b>Sinovac Biotech Ltd./Pharmaniaga Lifescience Sdn. Bhd. (CoronaVac)</b>	<b>20.4 juta</b> (2 dos/seorang)
5.	<b>CanSino Biologics Inc. (AD5-nCOV)</b>	<b>3.5 juta</b> (1 dos/seorang)
6.	<b>Gamaleya (Sputnik V)</b>	<b>6.4 juta</b> (2 dos/seorang)
<b>JUMLAH</b>		<b>87.9 juta dos</b>

Nota: Gamaleya – Tertakluk kepada kelulusan pendaftaran vaksin yang diterima daripada NPRA dan PBKD.

2. Memandangkan Kerajaan Malaysia terikat dengan *Non Disclosure Agreement* (NDA) iaitu syarat kerahsiaan yang ditetapkan syarikat pengeluar vaksin, maklumat-maklumat terperinci setiap perjanjian tidak boleh didedahkan termasuklah harga vaksin. Walau bagaimanapun, kos perolehan bagi setiap jenis vaksin telah dijelaskan dalam Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Mesyuarat Khas Parlimen Keempat Belas yang diadakan pada 2 Ogos 2021. Sekian, terima kasih.